

BULETIN

# WACANA

# 20 17

KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

[www.kkkualapilah.jpkk.edu.my](http://www.kkkualapilah.jpkk.edu.my)

Edisi 1



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KOLEJ KOMUNITI  
KUALA PILAH


# TAHNIHIAH

DI ATAS PERASMIAN  
KOLEJ KOMUNITI  
KUALA PILAH

SOARING  
UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ANY TIME  
ANYWHERE  
@KK

DIRASMIKAN OLEH  
DATUK DR. MARY YAP KAIN CHING, JP



KELUARAN TAHUNAN



Riang ria sambutan bulan kebangsaan  
peringkat Kolej Komuniti Kuala Pilah **ms 9**



Kolaborasi Strategik di antara Xpert 9  
bersama KK Kuala Pilah **ms 14**

# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

Pn. Huzaimah binti Hashim  
*Pengarah*

## PENASIHAT 1

Pn. Normazlina binti Othman  
*Timbalan Pengarah Akademik*

## PENASIHAT 2

En. Rohaizad bin Abdul Rahman  
*Timbalan Pengarah Pengurusan*

## KETUA EDITOR

Pn. Noorul 'Ain binti Md Shariff

## EDITOR

Cik Wan Zara Natasha binti Wan Mohd Isa

## PENULIS

Pn. Farah Zurin Binti Salleh

Pn. Siti Ubaidah Binti Yusuf

Pn. Suzanna Binti Samsuddin

Pn. Noorul 'Ain binti Md Shariff

Pn. Noor Ajuma Binti Mat Hassan

Pn. Norzita Suzalin Binti Mohd Ali

En. Amir Arief Bin Zainal Abidin

Tn. Hj. Mohd Shafie Bin Rahaman

Cik Wan Zara Natasha binti Wan Mohd Isa

## GRAFIK

Pn. Nor Adila Hanim binti Ab Kadir

En. Amir Arief Bin Zainal Abidin



## SETINTA BICARA

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam *Soaring Upwards*

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinnya *BULETIN WACANA* kelahiran Kolej Komuniti Kuala Pilah, Kementerian Pendidikan Tinggi dapat diterbitkan buat julung kalinya. Setinggi – tinggi tahniah kepada sidang redaksi di atas usaha merencanakan ulasan dan rumusan aktiviti - aktiviti sepanjang tahun 2017 di Kolej Komuniti Kuala Pilah. Diharapkan segala kompilasi penulisan dan pelaporan dapat memberikan manfaat kepada para pembaca.

Buletin ini diterbitkan untuk memberi penulisan dan gambaran mengenai aktiviti – aktiviti menarik sepanjang tahun 2017 di Kolej Komuniti Kuala Pilah. Secara umumnya, Kolej Komuniti Kuala Pilah yang merupakan kolej komuniti ke 93 telah memulakan operasi sepenuhnya dengan pengambilan pertama pelajar pada sesi Julai 2017. Sungguhpun masih baharu beroperasi, telah banyak aktiviti dapat dilaksanakan walaupun dengan tenaga penggerak yang sedikit. Majlis Perasmian Kolej Komuniti yang diadakan pada 15 Julai 2017 merupakan kemuncak segala aktiviti kolej kerana ia menjadi sejarah permulaan institusi ini.

Akhir kalam, diharapkan *BULETIN WACANA* ini menjadi titik permulaan yang positif bagi semua warga Kolej Komuniti Kuala Pilah untuk bergerak lebih maju ke hadapan merealisasikan aktiviti aktiviti dan pengisian yang lebih menarik pada masa akan datang. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua staf dan pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan semua aktiviti sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**Huzaimah Binti Hashim**

Pengarah  
Kolej Komuniti Kuala Pilah  
Kementerian Pendidikan Tinggi

**02 Sidang Redaksi**

**02 Setinta Bicara**

## **EKSKLUSIF**

**04 Majlis Perasmian Kolej Komuniti Kuala Pilah**

## **AKTIVITI**

**06 Promosi & Pendaftaran Pelajar**

**07 Minggu Suai Kenal**

**08 Kursus Asas PISPA Kali Ke 9**

**09 Sambutan Bulan Kebangsaan**

**10 Penyelidikan PSH & Pertandingan Inovasi**

**11 *Community College Incubator Classroom***

**12 Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)**

**13 Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)**

**14 Lawatan Industri & Kolaborasi**

**15 Gotong Royong Perdana**

**16 Kem Pemantapan Kendiri**

**17 Majlis Apresiasi**

**18 Memori 2017**



## MAJLIS PERASMIAN KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

*Kolej Komuniti Kuala Pilah, Kementerian Pendidikan Tinggi telah dirasmikan pada 15 JULAI 2017 oleh Yang Berhormat Datuk Dr Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pen-*

Majlis Perasmian Kolej Komuniti Kuala Pilah, Kementerian Pendidikan Tinggi telah berjaya dilaksanakan pada 15 JULAI 2017 dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi.

Perasmian ini telah dilengkapkan dengan persembahan gimik perasmian dan tandatangan Yang Berhormat Datuk Dr Mary Yap Kain Ching di atas *plaque* sekaligus menandakan perasmian penubuhan Kolej Komuniti Kuala Pilah yang berfungsi sebagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan kursus pendek di bawah Pengurusan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Majlis Sambutan Aidilfitri peringkat Parlimen Kuala Pilah telah dijalankan sekali bersama Majlis Perasmian KKKP dan dimeriahkan dengan kehadiran Duta Besar Malaysia Ke Kemboja merangkap Ahli Parlimen Kuala Pilah iaitu Tuan Yang Terutama Yang Berhormat Dato' Seri Hasan bin Malek.

Kedua-dua majlis yang bermula jam 2 petang sehingga 6 petang tersebut telah dihadiri lebih kurang 10,000 pengunjung termasuk jemputan dari Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Pengarah Kolej Komuniti seluruh Negeri Sembilan dan Melaka, Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Kuala Pilah, Jawatankuasa Ahli Parlimen Kuala Pilah serta komuniti setempat Kuala Pilah.

*Oleh: Farah Zurin Binti Salleh*





## PROMOSI & PENDAFTARAN PELAJAR KKKP

Oleh : Noor Ajuma Binti Mat Hassan



Pendaftaran sulung (Sesi Julai 2017) Kolej Komuniti Kuala Pilah, Kementerian Pendidikan Tinggi telah dijalankan pada 3 Julai 2017. Seramai 16 orang pelajar sulung kolej telah mendaftar yang terdiri daripada 13 pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan.

Pelajar terdiri dari Daerah Kuala Pilah, Port Dickson, Seremban dan juga dari Rembau. Kolej juga menerima kehadiran pelajar daripada Negeri Di Bawah Bayu, Sabah iaitu saudara Abednego Soineh.

Pendaftaran sesi November 2017 pula, seramai 6 orang pelajar telah mendaftar iaitu seramai 3 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan.

Pelajar yang mendaftar pada sesi ini terdiri dari komuniti setempat dan seorang pelajar dari Negeri Selangor.

Beberapa siri promosi telah diadakan sepanjang tahun 2017 yang melibatkan jemputan daripada agensi luar, sekolah-sekolah dan pihak jabatan pendidikan. Antara promosi yang telah disertai oleh pihak kolej adalah:

- Pameran Karnival Ko-Akademik Peringkat Negeri di SMK Zaaba pada 26 Julai 2017
- Ceramah Kerjaya di SMK Tunku Muhamad pada 31 Julai 2017
- Pameran Minggu Kerjaya & Antidadah SMK Tunku Muhamad pada 2 Ogos 2017
- Pameran sempena Pertandingan Pidato Negaraku (Separuh Akhir) Kebangsaan Peringkat Jabatan Penerangan 2017 pada 12 Ogos 2017
- Program Jelajah JAKOA peringkat Negeri Sembilan & Melaka pada 5 Ogos 2017
- Karnival Pendidikan di SMK Juasseh pada 19 September 2017
- Promosi sempena Pertandingan Qasidah dan

Grand Maulid Negeri Sembilan & Melaka pada 27 Ogos 2017

• Program *My Future* Kem PLKN Karisma pada 7 Oktober 2017

• Program Karnival Pendidikan Tinggi & Aspirasi 2017 pada 11 Oktober 2017

• Program *Open Day/Career Day* Kem PLKN Karisma pada 29 Oktober 2017


Selain daripada itu, pihak kolej juga menjalankan kolaborasi khas bersama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah.

Kolaborasi ini telah menghubungkan pihak kolej dengan pegawai psikologi dari sekolah menengah di sekitar Kuala Pilah di bawah satu program yang telah dianjurkan oleh Unit Promosi & Unit Pengambilan iaitu Program Ketuk-Ketuk Hati.

Program ini merupakan salam perkenalan daripada pihak kolej dan juga merapatkan ukhwah dikalangan para pegawai psikologi tersebut.



# AKTIVITI



Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar baharu merupakan satu program yang diadakan pada setiap semester dan diwajibkan ke atas semua pelajar kolej yang baru mendaftar. Bagi Kolej Komuniti Kuala Pilah, semester Julai 2017 ini adalah program MSK yang pertama kali diadakan memandangkan pelajar – pelajar ini adalah ambilan sulung yang mendaftar sebagai pelajar di sini. Program ini telah dijalankan selama 3 hari bermula 4 Julai sehingga 6 Julai 2017.

Aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan ini sangat penting kepada para pelajar dalam menempuhi fasa perubahan daripada alam persekolahan ke alam pendidikan tinggi sekaligus memperkenalkan sistem yang dilaksanakan dan digunapakai oleh Kolej Komuniti.

Para pelajar diberi pendedahan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan pengisian seperti slot senaman pagi, taklimat kaunseling, taklimat akademik dan agensi luar (PDRM, Majlis Agama Islam dan JAPM), aktiviti sukaneka, *indoor games* dan slot solat berjemaah.

Program Minggu Suai Kenal ini sampai ke kemuncaknya dengan Majlis Perasmian Penutup yang diadakan pada 6 Julai 2017 dan disempurnakan oleh Pengarah kolej sendiri iaitu Pn. Huzaimah Binti Hashim. Pada majlis penutup tersebut para pelajar telah melafazkan ikrar pelajar untuk menjadi pelajar yang cemerlang dan gemilang seterusnya menjaga nama baik pihak Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Oleh: Siti Ubaidah Binti Yusuf

# MINGGU SUAI KENAL SESI JULAI 2017

# AKTIVITI



## PISPA KOLEJ KOMUNITI: KURSUS ASAS PISPA KALI KE-9 2017 (SIRI 2)

Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) merupakan satu kegiatan kokurikulum yang diperkenalkan untuk memperkasakan kemahiran pelajar di bawah kendalian Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Kemahiran yang diterapkan adalah membabitkan latihan praktikal seperti asas berkawad, pertolongan cemas, pencegahan kebakaran dan protokol.

Justeru itu, bagi memenuhi kelayakan sebagai anggota PISPA, seramai 14 orang pelajar dan 6 orang pensyarah Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menghadiri Kursus Asas PISPA Kali ke-9 Tahun 2017 (Siri 2) yang berlangsung selama 3 hari bermula 7 – 9 November 2017 di APM, Seremban, Negeri Sembilan.

Kursus ini merupakan anjuran Bahagian Pembangunan Pelajar, JPKK di bawah kelolaan Kolej Komuniti Rembau & Kolej Komuniti Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Secara keseluruhannya, diharapkan program ini mampu menjadi pemangkin kepada kesedaran keselamatan orang awam melalui ilmu pertahanan awam yang telah diterapkan sepanjang program.

Oleh: Siti Ubaidah Binti Yusuf





## SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN KKKP 2017

Oleh: Siti Ubaidah Binti Yusuf



Hari Kebangsaan yang jatuh pada 31 Ogos setiap tahun merupakan hari yang disambut secara besar – besaran oleh seluruh warganegara Malaysia sempena memperingati detik pembebasan negara dari belunggu penjajahan.

Sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-60 pada tahun ini, Unit Pembangunan Pelajar bersama Kelab Rukun Negara telah berkerjasama dengan Program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih dan Unit Pengajian Am telah mengadakan satu program iaitu Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kolej Komuniti Kuala Pilah Tahun 2017.

Sambutan ini diadakan untuk memupuk kembali semangat patriotik dalam jiwa seluruh warga Kolej Komuniti Kuala Pilah agar sentiasa sayang dan cinta kepada negara sekaligus berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai ini.

Program ini telah berlangsung dari 21 Ogos 2017 sehingga 15 September 2017 dan antara pengisian sambutan ini ialah aktiviti menggantung bendera di sekitar kolej, melukis dan mengecat bendera Malaysia sepanjang 32 meter, *walkathon* merdeka, pertandingan rekacipta mini *twin tower*, tayangan filem *Hati Malaya* dan kuiz merdeka, pertandingan *wefie* dan *selfie* merdeka, pertandingan melukis poster merdeka dan kemuncak sambutan iaitu Majlis Penutup.

Semoga program ini dapat melahirkan rasa cinta kepada negara sekaligus menaikkan semangat semua warga kolej untuk terus mempertahankan kemerdekaan ini agar dapat diwarisi kepada generasi akan datang.



## SEMINAR PENYELIDIKAN PSH DAN PERTANDINGAN INOVASI KOLEJ KOMUNITI WILAYAH MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN 2017



Seminar Penyelidikan PSH dan Pertandingan Inovasi Kolej Komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan telah berlangsung di Kolej Komuniti Selandar, Melaka pada 26 & 27 Julai 2017.

Program ini merupakan satu program yang memberi peluang kepada para pendidik membentangkan hasil penyelidikan dan hasil kreativiti mereka dalam berinovasi seterusnya, menyumbang kepada transformasi kolej komuniti.

Program ini juga bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan dan menanamkan semangat berinovasi dalam kalangan warga kolej komuniti.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk menyediakan satu ruang kepada warga kolej untuk membentangkan hasil dapatan yang diperolehi daripada penyelidikan dan mempamerkan penghasilan produk inovasi mereka.

Program seperti ini menjadi platform yang baik untuk perkongsian dan pengembangan idea baru bagi penghasilan produk yang berimpak dan berpotensi untuk dikomersialkan.

Selain daripada itu, pelaksanaan program ini juga mampu membina jaringan antara warga kolej komuniti dalam meningkatkan pengetahuan dan pencambahan idea.

Oleh : Suzanna Binti Samsuddin.

## BENGGKEL PENGUKUHAN COMMUNITY COLLEGE INCUBATOR CLASSROOM (CCIC) 2017 WILAYAH NEGERI SEMBILAN & MELAKA

Oleh : Mohd Shafie Bin Rahaman



Mahasiswa perlu mementingkan pencapaian dan kemahiran akademik serta perkembangan diri melalui proses sosialisasi dan pembinaan ilmu untuk kepentingan selepas tamat kursus nanti.

Sehubungan dengan itu, Bengkel Pengukuhan *Community College Incubator Classroom* (CCIC) Pelajar Keusahawanan telah dijalankan pada 7 September 2017 bertempat di Hotel Melang Inn, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Bengkel ini telah menggunakan modul yang lengkap bagi menambahkan pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan pelajar-pelajar dalam membina perniagaan baharu.

Program yang dijalankan ini dirancang dengan begitu teliti dan mengambil kira faktor kesinambungan pada masa akan datang.

Objektif utama Program CCIC ini adalah untuk menggalakkan serta memupuk semangat kerjasama dan muafakat dalam mencari ilmu yang lebih praktikal dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelanggan secara langsung.

Setelah mengikuti program ini, pelajar-pelajar dapat menambah

pengetahuan dalam merangka pelan tindakan perniagaan mereka.

Bengkel ini juga memberi pendedahan kepada pelajar tentang keadaan sebenar membuat rancangan perniagaan secara grafik dengan mudah.

Disamping itu, program ini juga berjaya merapatkan silaturrahim dan ukhuwah pelajar Kolej Komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan dan memupuk semangat kerjasama tolong menolong di antara mereka.



# AKTIVITI



## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

Oleh: Norzita Suzalin Binti Mohd Ali



Kursus Pendek *My Sweet Cup Cake*, Kursus Pendek Pembuatan Kek Coklat dan kursus pendek *Closed Circuit Television* (CCTV) telah dianjurkan secara serentak pada 8 November 2017 bertempat di Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Kursus anjuran Kolej Komuniti Kuala Pilah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah, Sekolah Kebangsaan Dato Idris dan Sekolah Menengah Rendah Agama Johol berjaya mengumpulkan peserta seramai 13 orang pelajar pendidikan khas dari Sekolah Kebangsaan Dato Idris untuk Kursus Pendek *My Sweet Cup Cake* dan 25 peserta dari Sekolah Menengah Rendah Agama Johol bagi Kursus Pendek Pembuatan Kek Coklat dan kursus pendek *Closed Circuit Television* (CCTV)

Kursus Pendek *My Sweet Cup Cake*, Kursus Pendek Pembuatan Kek Coklat dan kursus pendek *Closed Circuit Television* (CCTV) ini dikelolakan oleh tenaga pengajar dalam kolej iaitu Puan Norzita Suzalin Binti Mohd Ali, Puan Siti Ubaidah Binti Yusuf dan Tuan Haji Mohd Shafie Bin Rahaman yang juga merupakan pensyarah Pengajian Am dan Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih KKKP.

Secara keseluruhannya, pencapaian prestasi bagi Unit PSH dan PISH Kolej Komuniti Kuala Pilah bagi tahun 2017 adalah amat membanggakan. Berikut merupakan KPI yang tercapai bagi tahun semasa:

2017	KPI	PENCAPAIAN
PSH	990	1249
PISH	99	250



## PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH) KURSUS PENGURUSAN JENAZAH WANITA

Oleh: Norzita Suzalin Binti Mohd Ali



Kursus Pengurusan Jenazah Wanita yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP) bertujuan untuk memberi pendedahan, bimbingan dan kemahiran asas kepada peserta bagi menguruskan jenazah.

Kursus ini diadakan pada 14 September 2017 bertempat di Masjid Jamek Yamtuan Raden Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Jumlah Penyertaan adalah seramai 112 orang.

Kursus ini merupakan hasil kolaborasi di antara KKKP dan Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Pilah berserta JKKK Daerah Kuala Pilah.

Kursus Pengurusan Jenazah ini dikelola oleh tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman iaitu Ustaz Norhisyam Bin A.Hassan dan Ustazah Maimon Binti Khurdi dari Hospital Kuala Pilah.



Lawatan Industri dan Kolaborasi merupakan salah satu pendekatan yang digunakan untuk menjalinkan hubungan kolaborasi di antara pihak industri dan kolej komuniti.

Sehubungan itu Kolej Komuniti Kuala Pilah memulakan langkah pertamanya untuk menjalinkan kolaborasi bersama salah satu syarikat baikpulih telefon bimbit terkemuka di Seremban, Negeri Sembilan iaitu Xpert Senawang.

Lawatan kali pertama ke Xpert Senawang telah dibuat pada 6 Julai 2017.

Matlamat utama kolaborasi ini adalah untuk menjadikan Xpert Senawang sebagai rakan industri kepada Kolej Komuniti Kuala Pilah terutama untuk program Sijil Peranti Mudah Alih yang baru sahaja bermula di Kolej Komuniti untuk ambilan Julai 2017.

Oleh kerana program sijil yang dijalankan ini merupakan program yang melibatkan perubahan teknologi yang agak pantas, KKKP berharap agar pihak industri dapat menyalurkan maklumat dan kepakaran berkaitan teknologi baikpulih telefon bimbit kepada pensyarah serta pelajar kolej komuniti ini.

Sejak Kolaborasi bersama Xpert Senawang ini dijalankan, pelbagai usahasama telah dapat dilakukan. Antaranya adalah;



Program	Tarikh	Catatan
Perasmian Kolej Komuniti Kuala Pilah	15 Julai 2017	Promosi Program STA
Program Sehari Bersama Industri	21 Ogos 2017	Penceramah dan Tenaga Pengajar
Majlis Konvokesyen Negeri Sembilan & Melaka 2017	24 September 2017	Wakil Industri
Kursus baikpulih telefon bimbit Pelajar Keusahawanan Kolej Komuniti Melaka Negeri Sembilan	26 September 2017	Penceramah dan Tenaga Pengajar

Secara keseluruhannya program lawatan dan kolaborasi bersama Xpert Senawang ini telah membuka langkah pertama Kolej Komuniti Kuala Pilah untuk berhubung dengan industri. Diharapkan selepas ini lebih banyak kolaborasi bersama industri dijalankan seterusnya memberi kerjasama yang baik seperti syarikat Xpert Senawang ini.

# AKTIVITI

Pada 7 & 8 Oktober yang lalu, Unit Pembangunan Pelajar dengan kerjasama Kelab Rukun Negara Kolej Komuniti Kuala Pilah telah mengadakan aktiviti Gotong Royong Perdana Peringkat KKKP untuk menghasilkan kerusi dan meja simen ferro bagi kemudahan tempat rehat warga KKKP.

Aktiviti yang bermula seawal jam 8.30 pagi ini telah disertai oleh semua pelajar dan staf Kolej Komuniti Kuala Pilah iaitu seramai 40 orang.

En. Jamaluddin Mohd Bin Ali dan pembantunya, En. Muhammad Arif Bin Jamaluddin telah bertanggungjawab mengetuai aktiviti ini dan berkongsi ilmu tentang cara menghasilkan simen ferro mengikut cara yang sebenar.

Para pelajar dan staf telah dibahagikan kepada 3 kumpulan dan setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan sebuah meja dan 4 buah kerusi bermula dari awal iaitu membuat kerangka, membancuh dan melepa simen dan seterusnya aktiviti mengecat.

Aktiviti mengecat telah bersambung pada hari kedua iaitu pada 8 Oktober 2017 memandangkan proses pengeringan simen mengambil masa yang lama disebabkan keadaan cuaca yang sedikit mendung.

Program ini telah tamat pada kira-kira jam 6.00 petang dan semua peserta berpuas hati kerana dapat menyiapkan set kerusi dan meja simen ferro sendiri.

## GOTONG ROYONG PERDANA KKKP 2017

Oleh: Siti Ubaidah Yusuf



# AKTIVITI

Program Kem Pemantapan Kendiri ini merupakan satu program yang dirancang oleh Unit Pembangunan Pelajar, Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Program ini telah berjalan dengan jayanya pada 8 dan 9 November 2017. Lokasi kem adalah di D'Kok Eco Camp yang terletak di dalam Kampung Talang, Tanjung Itoh, Negeri Sembilan.

Program ini telah disertai oleh 45 orang warga kolej yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan kolej. Disamping mengukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga kolej, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan sahsiah dan memupuk keyakinan pelajar KKKP.

Antara lain objektif pelaksanaan program adalah untuk membentuk keunggulan personaliti, meningkatkan jati diri daripada aspek mental dan fizikal, memberikan kesedaran kepada peserta mengenai kehidupan dan seterusnya memupuk kerjasama serta mengeratkan silaturrahim dalam kalangan peserta.

Kem seperti ini juga mengajar peserta untuk bertindak dengan lebih proaktif dan berani terhadap cabaran yang mendatang.

Pelbagai aktiviti yang telah disediakan oleh pihak D'Kok Eco Camp antaranya, aktiviti *team building*, *water confident*, *tubing*, aktiviti latihan dalam kumpulan dan merentasi hutan.

Aktiviti pertama iaitu *ice breaking* dan *team building* adalah satu aktiviti yang menarik yang merapatkan lagi jurang antara pelajar dan kakitangan kolej.

Aktiviti air seperti *water confident* dan *tubing* mendedahkan kepada peserta tentang kaedah untuk menyelamatkan diri jika terdapat kecemasan di tengah laut serta meningkatkan keberanian diri peserta untuk membuat aktiviti air.

Seterusnya peserta di bawa merentasi hutan. Aktiviti ini mencabar fizikal dan mental peserta apabila terdapat beberapa halangan yang agak mencabar ketahanan diri dan memerlukan kerjasama serta sokongan ahli pasukan yang lain.

Selain daripada itu, aktiviti merentasi hutan mendedahkan peserta untuk lebih menghargai alam semula jadi yang menyegarkan.

Walaupun aktiviti kem pemantapan ini agak melelahkan tetapi, program ini memberikan impak yang besar kepada peserta terutama kepada pelajar kolej. Mereka menjadi lebih berani untuk bercakap di khalayak ramai dan lebih aktif dalam melaksanakan pelbagai aktiviti.

Diharapkan agar program ini dapat membantu peserta untuk meningkatkan kualiti diri dan terus berjaya di masa akan datang.



## KEM PEMANTAPAN KENDIRI KKKP 2017 : D'KOK ECO CAMP, KUALA PILAH

Oleh : Noorul 'Ain Binti Md Shariff



## MAJLIS APRESIASI KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH 2017



Majlis Apresiasi Kolej Komuniti Kuala Pilah tahun 2017 merupakan satu majlis yang diadakan untuk menghargai pencapaian dan komitmen para pelajar dan staf di Kolej Komuniti Kuala Pilah sepanjang tahun 2017.

Melalui penganjuran majlis ini, para pelajar dan staf dirai dan diharap dapat bersama-sama membangunkan diri untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada tahun – tahun akan datang.

Majlis yang diadakan di Laman Gentam, Kuala Pilah ini berlangsung dengan jayanya dengan kehadiran semua pelajar dan staf Kolej Komuniti Kuala Pilah iaitu seramai 45 orang.

Beberapa kategori penyampaian sijil juga turut diberikan kepada pelajar dan staf yang cemerlang sepanjang tahun 2017.

Selain daripada memberi penghargaan dan meraikan para pelajar semester 2 sesi November 2017, objektif majlis ini juga adalah untuk memupuk motivasi pelajar dan staf agar berazam untuk maju dan berjaya dengan lebih cemerlang serta merapatkan ukhuwah antara pelajar dan staf Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Majlis ini turut diselitkan dengan bacaan ikrar oleh pelajar baharu sesi November 2017 bagi menyuntik semangat mereka untuk menjadi yang terbaik di Kolej Komuniti Kuala Pilah.

Oleh: Wan Zara Natasha Binti Wan Mohd Isa





# MEMORI 2017

# REVOLUSI INDUSTRI 4.0

## TAHUKAH ANDA?

Oleh: En.Amir Arief b. Zainal Abidin


Revolusi perindustrian generasi ke – 4 dapat dirasai oleh kita dengan kemunculan supercomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pemandu, pengubahsuaian genetik dan pembangunan neuroteknologi yang membolehkan manusia mengoptimumkan fungsi otak mereka. Ini adalah apa yang disebut oleh Klaus Schwab iaitu Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Forum Ekonomi Dunia di dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution*.

Perkembangan sains dan teknologi telah mengubah dunia dengan kemunculan revolusi generasi pertama dimana pada ketika itu tenaga manusia dan haiwan diganti dengan mesin, sebagai contoh kemunculan mesin wap pada abad ke-18. Kemunculan revolusi generasi pertama ini secara langsung memberi impak yang amat berkesan kepada produk dan kecekapan pengeluaran kepada industri.

Seterusnya dalam revolusi perindustri generasi kedua, manusia mula membina loji kuasa dan kebuk pembakaran (*combustionchamber*). Pada peringkat ini terciptalah teknologi seperti telefon, kapal terbang, enjin dan pelbagai mesin yang lain sekaligus mengubah peradaban kemodenan dunia dengan lebih ketara.

Kemudian pada revolusi perindustrian generasi ke tiga kita dapat melihat kemunculan teknologi digital dan internet. Pada peringkat ini, kita sebagai rakyat Malaysia sendiri telah dapat menikmati pelbagai kemudahan dari revolusi industri ke tiga sebagai contoh perhubungan melalui internet dan kemunculan peranti dan peralatan elektronik yang memudahkan tugas kita seharian.

Kemunculan revolusi industri ke empat menekankan kepada saling berhubungnya di antara manusia, peranti elektronik dan mesin. Situasi dimana automasi manusia dengan mesin dan peranti mudah alih dipertingkatkan dengan pelbagai cara dan lebih pantas. Sembilan tonggak di dalam revolusi industri 4.0 ialah simulasi dan sistem maya, intergrasi sistem menegak dan melintang, Internet of Thing (IoT), keselamatan siber, perkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi.



# CHICKEN CHOP MABELES KKKP

## Bahan-bahan

- ✦ 3 potong besar ayam – di buang tulang
  - ✦ 3 ulas bawang putih
  - ✦ 2 sudu besar sos tiram
  - ✦ 2 sudu besar sos kicap manis
  - ✦ 2 sudu kecil serbuk lada sulah
- 6 inc halia – di kisar halus

## Bahan sos black pepper

- ✦ 170 gm sos lada hitam
- ✦ 1 sudu kecil sos tiram
- ✦ 2 sudu kecil sos kicap manis
- ✦ 1 sudu besar planta
- ✦ 1 sudu besar tepung jagung – di bancuh sedikit dengan air
- ✦ 1/2 sudu kecil serbuk lada hitam
- ✦ 1/2 cawan susu cair
- ✦ 1 cawan air

garam secukup rasa

## Bahan salutan

- ✦ 1 biji telur grade A – di kacau
  - ✦ 2 sudu besar tepung gandum
- 100 gm bread crumbs

## Cara masak chicken chop

1. Gaul ayam dengan bahan kisar, sos tiram, sos kicap, serbuk lada sulah dan garam. Perap selama 3 jam dalam peti sejuk.
2. Lepas tu gaul ayam dengan tepung gandum.
3. Pecahkan telur dalam mangkuk dan kacau.
4. Celup ayam dalam telur dan salut dengan bread crumbs. Ambil satu per satu. Goreng ayam dengan api sederhana hingga ayam masak sekata.

## Cara buat sos black pepper

1. Satukan semua bahan sos, kecuali lada hitam, tepung jagung dan garam. Kacau dengan whisk.
2. Didihkan sos tadi di atas api sederhana hingga meruap dan sesekali kacau.
3. Masukkan bancuhan tepung jagung dan didihkan sepenuhnya. Kacau terus supaya tidak bergentel.
4. Taburkan lada hitam dan garam secukup rasa. Matikan api dan letakkan sos di atas chicken chop.





**KAKITANGAN KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH**



**PELAJAR-PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**KOLEJ KOMUNITI  
KUALA PILAH**

**KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
NO 33-41, JALAN 5, PUSAT KOMERSIAL MELANG,  
72000 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

**06-481 2545 (Pejabat) | 06-481 1301 (Faks)**



**KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH  
(#kkkpbisobonar)**



**KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH  
(kkkpbisobonar)**



**KK KUALA PILAH JPKK  
(@kkkpbisobonar)**